

Headline	Biasiswa YTN meringankan beban ibu bapa		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	4
ArticleSize	265 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,631		



Biasiswa YTN meringankan beban ibu bapa

PENGANUGERAHAN biasiswa Yayasan Tenaga Nasional (YTN) kepada pelajar-pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke luar negara dan universiti tempatan mampu membuatkan para ibu bapa penerima menarik nafas lega apabila segala beban mahupun masalah kewangan dapat dikurangkan selain meringankan beban mereka.

Bagi Siti Noraidah Habibullah, 50, kejayaan anaknya, Raihanah Lukman, 18, memperoleh biasiswa YTN merupakan satu pencapaian terbaik anaknya dalam merealisasikan impian menjadi seorang pakar data sains.

"Sebagai ibu, saya amat bangga dan gembira apabila segala pengorbanan anak saya dalam bidang akademik membuahkan hasil, malah kejayaan ini juga mampu menyuntik semangat adik-adiknya yang lain.

"Bidang data sains merupakan kursus yang dia (Raihanah) minat dan apabila YTN memberi bantuan biasiswa ini,



JACQUELINE (kiri) bersama kakaknya, Emmy (gambar kiri); Raihanah (kanan) dan ibunya, Siti Noraidah (gambar tengah) serta Angleswaran (kanan) di samping ibunya, Vanaja.

kami sekeluarga amat bersyukur dan saya yakin masa depan anak saya cerah," katanya.

Sementara itu, K. Vanaja, 46, ibu kepada S. Angleswaran, 18, berkata, pemberian biasiswa YTN merupakan satu langkah tepat buat anaknya dalam melanjutkan pelajarannya sehingga ke luar negara.

Mengikut jejak bapa saudaranya untuk menyambung pelajaran di Amerika Syarikat, K. Vanaja melihat potensi Angleswaran untuk berjaya sejak kecil lagi kerana anaknya itu seorang yang rajin belajar serta aktif dalam aktiviti sukan.

"Memang kami bangga dan gembira kerana dia (Angleswaran) bekerja keras untuk sampai ke tahap ini, malah cita-

citanya untuk menyambung pelajaran ke luar negara kini menjadi kenyataan.

"Dia juga merupakan anak tunggal saya, justeru saya sebagai ibu amat bersyukur kerana hasil didikan saya dan suami selama ini berbaloi dan pastinya kami berterima kasih kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan YTN kerana merealisasikan impian anak kami ini," katanya.

Bagi Emmy Sow, 36, kakak kepada Jacqueline Sow, 18, pemberian biasiswa YTN mampu menolong adiknya serta penerima yang lain supaya tidak risau memikirkan hal yuran malah ia mampu meningkatkan lagi kualiti pembelajaran mereka.

"Dengan adanya bantuan biasiswa ini, saya percaya Jacqueline serta penerima yang lain mampu menarik nafas lega kerana tidak perlu fikir soal kewangan dan hanya fokus terhadap pembelajaran.

"Justeru, saya amat berterima kasih kepada TNB atas peluang ini," ujarnya.